

DATUK FARIDA MOHD ALI
Ketua Setiausaha, KKM

Kata-Kata Aluan

Saya mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah berjaya mengeluarkan Kit Program Pengurusan yang mengandungi Prosedur Standard *(Standard Operating Procedure – SOP)* bagi tugas-tugas pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, perolehan, khidmat pengurusan, perakaunan, dasar hubungan antarabangsa, latihan, pembangunan dan kompetensi. Kit Pengurusan ini adalah merupakan bahan rujukan bagi anggota KKM dalam melaksanakan tugas seharian.

Seperti mana yang kita sedia maklum, Kementerian sering menerima aduan mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh penjawat awam KKM. Di samping itu, KKM juga sering menerima teguran audit dan teguran-teguran tersebut adalah merupakan kesalahan-kesalahan yang berulang yang dilakukan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Pelbagai tindakan dan penambahbaikan telah dilakukan oleh KKM dalam menangani aduan-aduan mengenai perkhidmatan yang diberikan bagi mengurangkan teguran ketidakakuran dalam pengurusan kewangan oleh pihak Jabatan Audit Negara.Ini termasuklah mengadakan latihan seperti kursus yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia, kewangan, perolehan, perakaunan dan lain-lain. Di samping itu, aktiviti-aktiviti naziran, lawatan dan lain-lain juga telah dijalankan bagi menunjuk ajar anggota KKM yang terlibat dalam pengurusan kewangan. Di samping itu, tindakan punitif juga telah diambil terhadap anggota KKM yang didapati cuai atau berterusan melanggar peraturan kewangan yang ditetapkan.

Dengan ini, adalah diharapkan isu ketidakpatuhan terhadap peraturan Kerajaan dan aduan daripada pelanggan akan dapat dikurangkan. Kit ini juga akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan dan perubahan. Adalah diharapkan semua pihak akan menggunakan Kit ini ke arah mencapai kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan di KKM.

Sekian, terima kasih.

DATUK FARIDA MOHD ALI
Ketua Setiausaha, KKM

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 1 9/6/13 11:02 AM

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 2 9/6/13 11:02 AM

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

SENARAI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Pengurusan Rekod	
• Pembukaan/Pendaftaran Fail	2
• Penutupan Fail	4
• Penggunaan dan Kawalan Fail	6
• Fail Hilang atau Tidak Dapat Dikesan	8
• Pembaikan Kecil	10
• Pengendalian Fail Tidak Aktif	12
• Pelupusan Fail (Bahagian/Jabatan/Unit/Cawangan)	14
• Pelupusan Fail (Bahagian Khidmat Pengurusan)	18
Pengurusan Surat	
• Penghantaran Surat Secara Pos Laju	22
• Penghantaran Surat Berdaftar	26
• Penghantaran Surat Secara Pos Biasa	29
• Penghantaran Surat Secara Mel Udara	31
Pengurusan Parcel: Penghantaran Bungkusan/Parcel	33
Pengurusan Kad Perakam Waktu	36
Panduan Pengurusan Kebakaran dan Kecemasan di Premis-premis Kementerian Kesihatan Malaysia	42
Pengurusan Lembaga Pelawat Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	48
Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat bagi Penjawat Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia	54
Permohonan Perjalanan ke Luar Negara	
• Permohonan Perjalanan ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian	64
• Permohonan Perjalanan ke Luar Negara Atas Urusan Rasmi	68
Pembekalan Kenderaan Konsesi Kereta Rasmi Jawatan (KRJ) dan Kereta Jabatan (KJ)	73
Kelulusan Bekalan Bahan Api bagi Kereta Rasmi Jawatan (KRJ)	80
Permohonan Penyewaan Ruang Pejabat Baru/Pindah/Perlanjutan	82
Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang Peringkat IPKKM	89
Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang Peringkat JKN/Institusi	93

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 1 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN REKOD: PEMBUKAAN/PENDAFTARAN FAIL

PUNCA KUASA:

1. Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 Bahagian VII
3. Panduan Pengendalian Fail Rasmi (Jabatan Arkib Negara Malaysia)
4. Arahan Keselamatan-keselamatan Dokumen (Perkara 42-76)

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Teliti kandungan surat/dokumen yang hendak difailkan. Semak klasifikasi fail dan kod klasifikasi.	Fail dibuka apabila: i. Fail yang Diperlukan Belum Ada; ii. Fail Asal Ditutup dan Bersambung pada Kulit Fail Jilid Baharu; iii. Fail Asal Tidak Dapat Dikesan; iv. Fail Asal Didapati Rosak dan Perlu Digantikan dengan Kulit Baharu; v. Perubahan Pentadbiran Sesuatu Pejabat Awam; dan vi. Skima Klasifikasi Fail Dirombak atau Bertukar kepada Sistem Klasifikasi yang Baharu
2.	Membuat analisa perkara/kandungan surat/ dokumen mengikut pengkelasan keselamatan terperingkat. Rujuk dengan pegawai pengelas jika perlu.	Buka Kulit Fail Baharu Menggunakan Jenis Kulit Fail yang Sesuai (bagi fail terperingkat) Catatkan Tajuk Fail dan Nombor Rujukan Fail
3.	Tentukan nama dan tajuk fail untuk fail baharu. Buka kulit fail baharu: i. Tebuk lubang pada kulit fail dan kertas minit. ii. Tulis tajuk fail dan nombor rujukan fail. iii. Masukkan tali hijau dan kertas minit.	Tajuk Fail dan Nombor Rujukan Fail Hendaklah Dicatatkan pada Kulit Fail dengan Jelas Menggunakan Dakwat Kekal Warna Hitam atau Biru
4	Masukkan kandungan, catat nombor kandungan pada bahagian atas sebelah kanan surat/dokumen dan minitkan lampiran pada kertas minit.	i. Kertas Minit Dikandungkan di Sebelah Kiri Fail ii. Surat atau Dokumen Dikandungkan di Sebelah Kanan Fail
5	Daftarkan fail baharu dalam Buku Daftar Fail dan sediakan Indeks.	Buku Daftar Fail

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 2 9/6/13 11:02 AM



CARTA ALIRAN:
PEMBUKAAN/PENDAFTARAN FAIL

Mula

↓

Teliti Kandungan Surat. Semak Klasifikasi Fail dan Kod Klasifikasi

↓

Rujuk dengan Pegawai Pengelas Jika Fail Terperingkat

↓

Buka Kulit Fail Baharu:
- Tebuk Lubang pada Kulit Fail dan Kertas Minit
- Tulis Tajuk Fail dan Nombor Rujukan Fail
- Masukkan Tali Hijau dan Kertas Minit

↓

Masukkan Kandungan, Catat Nombor Kandungan dan Minitkan Lampiran pada Kertas Minit

↓

Daftarkan Fail Baharu dalam Buku Daftar Fail dan Sediakan Indeks

↓

Tamat

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 3 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN REKOD: PENUTUPAN FAIL

PUNCA KUASA:


1. Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 Bahagian VII
3. Panduan Pengendalian Fail Rasmi (Jabatan Arkib Negara Malaysia)

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Pastikan fail memenuhi kriteria penutupan fail.	Kriteria Penutupan Fail:- i. Mencapai Ketebalan 4sm; atau ii. Kandungannya Sudah Mencapai 100 Lampiran; iii. Fail yang Tidak Dirujuk dalam Masa 5 Tahun dan Tidak Lagi Dikehendaki untuk Pentadbiran Harian; iv. Fail telah Tamat Tindakan dan Tiada Tindakan Lanjut yang Perlu Diambil ke atas Fail Tersebut; v. Perubahan Pentadbiran Sesuatu Pejabat Awam; vi. Skima Klasifikasi Fail Dirombak Semula dan Bertukar kepada Sistem Baharu; dan vii. Sesuatu Pejabat Awam Ditamatkan Fungsi dan Tidak Lagi Beroperasi
2.	Cap atau tuliskan DITUTUP PADA.....dan LIHAT JILID……(sekiranya jilid baru dibuka) pada muka hadapan kulit fail.	Dicatatkan pada Kulit Fail dengan Jelas Menggunakan Dakwat Kekal Warna Hitam atau Biru dan Dipalang Merah
3.	Kulit fail yang baru hendaklah dibuka dengan nombor klasifikasi fail yang sama dan ditanda sebagai jilid 2 dan seterusnya.	
4.	Fail yang ditutup diikat bersama fail baharu selama 3 bulan atau untuk tempoh tertentu.	
5.	Fail yang ditutup dan tidak digunakan lagi diasingkan daripada fail jilid baharu.	Pindahkan Fail dari Bilik Fail ke Pusat Rekod

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 4 9/6/13 11:02 AM



CARTA ALIRAN:
KAEDAH PENUTUPAN FAIL



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 5 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN REKOD: PENGGUNAAN DAN KAWALAN FAIL

PUNCA KUASA:


1. Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 Bahagian VII
3. Panduan Pengendalian Fail Rasmi (Jabatan Arkib Negara Malaysia)
4. Arahan Keselamatan – Keselamatan Dokumen (Perkara 42-76)

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Fail dikeluarkan berdasarkan kepada permohonan sama ada secara lisan atau menggunakan borang permohonan fail.	Borang Pinjaman Fail Diisi (wajib)
2.	Setiap fail yang dikeluarkan untuk tindakan pegawai hendaklah terlebih dahulu direkodkan ke dalam Rekod Pinjaman dan Pemulangan Fail (sama ada secara manual atau elektronik).	Rekod Pinjaman dan Pemulangan Fail (sama ada secara manual atau elektronik)
3.	Catatkan dengan jelas singkatan nama jawatan pegawai yang menggunakan fail dan tarikh fail itu dihantar kepada pegawai pada Kad Pergerakan Fail.	Doket Kad Pergerakan Fail
4.	Kad Pergerakan Fail dikeluarkan dari fail dan disimpan di Registri untuk rujukan.	Fail yang Diambil Tindakan Tidak Boleh Disimpan oleh Pegawai Melebihi 14 Hari atau 2 Minggu
5.	Sekiranya fail dipinjam melebihi tempoh yang ditetapkan, pegawai bertanggungjawab perlu menelefon pegawai berkenaan untuk mendapatkan semula fail atau mengemaskini tarikh pinjaman sekiranya fail masih diperlukan untuk tindakan.	
6.	Bagi fail-fail yang telah selesai diambil tindakan, hendaklah dikemaskini tarikh pemulangan fail di dalam Rekod Pinjaman dan Pemulangan Fail.	Rekod Pinjaman dan Pemulangan Fail (sama ada secara manual atau elektronik)
7.	Kad Pergerakan Fail hendaklah dikandungkan semula ke dalam fail.	

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 6 9/6/13 11:02 AM



CARTA ALIRAN:
PENGGUNAAN DAN KAWALAN FAIL



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 7 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN REKOD: FAIL HILANG ATAU TIDAK DAPAT DIKESAN

PUNCA KUASA:


1. Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 Bahagian VII
3. Panduan Pengendalian Fail Rasmi (Jabatan Arkib Negara Malaysia)
4. Arahan Keselamatan-keselamatan Dokumen (Perkara 42-76)

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Laporkan kehilangan fail kepada Registri.	
2.	Buka Sampul Kecil (Am 435 Pin. 1/80A) sebagai fail sementara dengan mencatatkan tajuk dan nombor fail yang hilang.	i. Sampul Kecil (Am 435 Pin. 1/80A); ii. Kertas Minit Dikandungkan pada di Sebelah Kiri Sampul Kecil; dan iii. Surat atau Dokumen Dikandungkan di Sebelah Kanan Sampul Kecil
3.	Sekiranya fail asal ditemui, Sampul Kecil tersebut hendaklah dikandungkan ke dalam fail tersebut sebagai kandungan seterusnya.	Catat Nombor Kandungan di Penjuru Atas Sebelah Kanan Sampul Kecil Sebagai Nombor Kandungan Fail. Nombor Kandungan Sampul Kecil Diminit ke dalam Kertas Minit
4.	Jika fail tidak dijumpai dalam tempoh tiga bulan dari tarikh kehilangan fail atau tarikh pewujudan Sampul Kecil, fail baru hendaklah dibuka dengan memberi tajuk dan nombor fail yang sama dan dijadikan jilid baru.	
5.	Sampul Kecil serta kandungannya hendaklah dipindahkan ke dalam fail baru dan dijadikan kandungan yang pertama.	

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 8 9/6/13 11:02 AM



CARTA ALIRAN:
FAIL HILANG ATAU TIDAK DAPAT DIKESAN



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 9 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN REKOD: PEMBAIKAN KECIL

PUNCA KUASA:


1. Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 Bahagian VIII
3. Panduan Pengendalian Fail Rasmi (Jabatan Arkib Negara Malaysia)

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Kenal pasti serta asingkan fail yang rosak dan perlu diganti kulit fail baru.	
2.	Catatkan tajuk dan nombor klasifikasi fail di atas kulit fail baharu.	
3.	Gunting dan masukkan kulit fail lama (muka hadapan sahaja) ke dalam kulit fail baru.	
4.	Pindah kandungan fail dan kertas minit dari fail lama ke dalam fail baharu.	
5.	Kandungan fail dan kertas minit yang koyak boleh dibuat pembaikan kecil dengan menggunakan gam kanji.	

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 10 9/6/13 11:02 AM



CARTA ALIRAN:
PEMBAIKAN KECIL



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 11 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN REKOD: PENGENDALIAN FAIL TIDAK AKTIF

PUNCA KUASA:


1. Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 Bahagian VIII
3. Panduan Pengendalian Fail Rasmi (Jabatan Arkib Negara Malaysia)
4. Jadual Pelupusan Rekod (Urusan Am, Kewangan dan Perakaunan, Rekod Perubatan)

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Memisahkan fail aktif dan fail tidak aktif di Jabatan.	Fail Tidak Aktif: i. Segala Tindakan ke atas Fail telah Selesai/Tamat ii. Fail Tidak Digunakan/Dirujuk oleh Jabatan
2.	Fail tidak aktif hendaklah ditutup dan dicap atau tuliskan DITUTUP PADA..... pada muka hadapan kulit fail.	Dicatatkan pada Kulit Fail dengan Jelas Menggunakan Dakwat Kekal Warna Hitam atau Biru dan Dipalang Merah
3.	Kenalpasti dan asingkan rekod mengikut kumpulan serta susun fail mengikut siri dan nombor rujukan fail.	
4.	Fail yang tidak aktif dan telah ditutup dimasukkan ke dalam kotak dan dipindahkan ke pusat rekod bagi tujuan berikut: i. Simpanan sementara bagi tujuan penyediaan Borang Permohonan Pelupusan ii. Mematuhi tempoh simpanan yang ditetapkan dalam Jadual Pelupusan Rekod.	
5.	Rujuk Jadual Pelupusan Rekod untuk memastikan fail telah cukup tempoh simpanan yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara.	Jadual Pelupusan Rekod i. Urusan Am ii. Kewangan dan Perakaunan iii. Rekod Perubatan
6	Buat senarai pelupusan sekiranya fail telah cukup tempoh simpanan yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia dengan mengisi borang pelupusan rekod mengikut jenis rekod.	Borang Arkib 2/08, Borang Arkib 3/08, Borang Arkib 4/08, Borang Arkib 5/08, Borang Arkib 6/08, Borang Arkib 7/08, Borang Arkib 8/08, Borang Arkib 9/08

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 12 9/6/13 11:02 AM



CARTA ALIRAN:
PENGENDALIAN FAIL TIDAK AKTIF



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 13 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN REKOD: PELUPUSAN FAIL (BAHAGIAN/JABATAN/UNIT/CAWANGAN)

PUNCA KUASA:

1. Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 – Panduan Pengurusan Pejabat – Bab VII dan VIII
3. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 – Pindaan Ke Atas Arahan Perbendaharaan (AP) 150 Bertarikh 27 Februari 2007
4. Surat Kementerian KB 557/97/54 Jd.4 (47) Bertarikh 3 November 1993 - Pelupusan Bahan-bahan Bercetak/Kertas Terpakai daripada Kementerian/Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun
5. Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2008
6. Panduan Pemusnahan Rekod Kewangan Kerajaan Disediakan oleh Bahagian Pengurusan Audit dalam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 10 Julai 2003
7. Garis Panduan Pengelasan dan Pengelasan Semula Mengikut Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Surat Pekeliling Am. Bil. 2 Tahun 1987
8. Salinan Warta Kerajaan P.U. (A) 377 - Peraturan-peraturan Arkib Negara (Penetapan Borang-borang bagi Pelupusan Rekod Awam) 2008

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Mengenalpasti siri rekod sama ada telah tamat tindakan dan telah mematuhi tempoh simpanan yang dinyatakan dalam Jadual Pelupusan Rekod.	Jadual Pelupusan Rekod: i. Urusan Am ii. Kewangan dan Perakaunan iii. Rekod Perubatan
2.	Rekod-rekod disusun mengikut nombor turutan atau siri secara fizikal dan diikat secara *'bundle'* sebelum disenaraikan dalam borang pelupusan.	
3	Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) hendaklah membuat penilaian ke atas setiap unit rekod bagi menentukan sama ada rekod mempunyai nilai utama untuk kepentingan jabatan/ negara/tidak bernilai. Penilaian ini hendaklah dicatatkan dalam borang permohonan pelupusan sama ada rekod tersebut dicadang simpan atau musnah.	
4	Pengisian borang pelupusan rekod mengikut jenis rekod.	Borang Arkib 2/08, Borang Arkib 3/08, Borang Arkib 4/08, Borang Arkib 5/08, Borang Arkib 6/08, Borang Arkib 7/08, Borang Arkib 8/08, Borang Arkib 9/08

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 14 9/6/13 11:02 AM



BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
5	Kemukakan satu (1) salinan Borang Permohonan bagi Pemusnahan Rekod Awam ke Jabatan Arkib Negara Malaysia. Bagi Rekod Kewangan dan Perakaunan satu (1) salinan borang hendaklah dikemukakan ke Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Audit Kesihatan.	Salinan Borang Permohonan bagi Pemusnahan Rekod Awam.
6	Terima Surat Kebenaran Pemusnahan daripada Arkib Negara. Sekiranya melibatkan Rekod Kewangan dan Perakaunan Surat Kebenaran Pemusnahan daripada Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Audit Kesihatan.	Surat Kebenaran Pemusnahan
7	Rekod-rekod yang diputuskan simpan hendaklah dilaksanakan pemindahan rekod ke Arkib Negara dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Surat Kebenaran Pemusnahan yang diterima. Rekod-rekod yang diputuskan musnah hendaklah dilaksanakan pemusnahan rekod-rekod berkenaan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Surat Kebenaran Pemusnahan yang diterima.	Rujuk Panduan Pelupusan Rekod Awam Seperti yang Diterangkan di Para 6.3 (6.3.1-6.3.9) Rujuk Panduan Pelupusan Rekod Awam Seperti yang Diterangkan di Para 7 (7.1-7.3)
8	Setelah rekod dimusnahkan/dipindahkan secara fizikal, pengesahan bahawa rekod tersebut telah dimusnahkan hendaklah dimaklumkan kepada Arkib Negara dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh pemusnahan.	Arkib 11/08 – Borang Permohonan bagi Pemindahan Rekod Arkib 12/08 – Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Awam Kewangan Arkib 13/08 – Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan
9	Sekiranya pemusnahan atau pemindahan tidak dapat dijalankan dalam tempoh tiga (3) bulan yang ditetapkan, permohonan secara bertulis hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah ANM untuk melanjutkan tempoh pemindahan rekod.	


Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 15 9/6/13 11:02 AM

CARTA ALIRAN:
PELUPUSAN FAIL (BAHAGIAN/JABATAN/UNIT/CAWANGAN)



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 16 9/6/13 11:02 AM





Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 17 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN REKOD: PELUPUSAN FAIL (BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)

PUNCA KUASA:

1. Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 – Panduan Pengurusan Pejabat – Bab VII dan VIII
3. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 – Pindaan ke Atas Arahan Perbendaharaan (AP) 150 Bertarikh 27 Februari 2007
4. Surat Kementerian KB 557/97/54 Jd.4 (47) Bertarikh 3 November 1993 - Pelupusan Bahan-Bahan Bercetak/Kertas Terpakai Daripada Kementerian/Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun
5. Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2008
6. Panduan Pemusnahan Rekod Kewangan Kerajaan disediakan oleh Bahagian Pengurusan Audit Dalam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bertarikh 10 Julai 2003
7. Garis Panduan Pengelasan dan Pengelasan Semula Mengikut Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Surat Pekeliling Am. Bil 2 Tahun 1987
8. Salinan Warta Kerajaan P.U. (A) 377 - Peraturan-peraturan Arkib Negara (Penetapan Borang-borang bagi Pelupusan Rekod Awam) 2008

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Pengisian borang pelupusan rekod mengikut jenis rekod.	Borang Arkib 2/08, Borang Arkib 3/08, Borang Arkib 4/08, Borang Arkib 5/08, Borang Arkib 6/08, Borang Arkib 7/08, Borang Arkib 8/08, Borang Arkib 9/08
2.	Semak borang permohonan pelupusan yang diterima.	Kembalikan Borang Permohonan yang Tidak Lengkap
3.	Daftar Permohonan Pelupusan Rekod ke dalam Fail Pelupusan KKM dan Buku Daftar Senarai Penerimaan Permohonan Pelupusan Rekod KKM.	Buku Daftar Senarai Penerimaan Permohonan Pelupusan Rekod KKM
4.	Hantarkan surat pengesahan penerimaan borang pelupusan rekod berserta nombor pendaftaran penerimaan rekod kepada Bahagian/Cawangan/Unit yang memohon.	

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 18 9/6/13 11:02 AM



BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
5.	Buat semakan dan penilaian rekod. Sediakan Laporan Penilaian Rekod Awam untuk dikemukakan kepada Setiausaha Jawatankuasa Pelupusan Rekod, Arkib Negara Malaysia.	
6.	Laporan penilaian rekod dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan Rekod, Arkib Negara Malaysia.	
7.	Laporan diluluskan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.	
8.	Terima surat kebenaran pelupusan (musnah/ pindah/simpan kekal di jabatan) dari Arkib Negara Malaysia.	
9.	Kemukakan memo dan salinan surat kelulusan pelupusan Arkib kepada Bahagian/Cawangan/ Unit yang memohon.	
10.	Terima dan majukan Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Awam (Borang Arkib 12/08) atau Borang Permohonan Bagi Pemindahan Rekod Awam (Borang Arkib 11/08) ke Arkib Negara Malaysia.	
11.	Terima surat arah pindah rekod daripada Arkib Negara Malaysia.	
12.	Maklumkan atau bantu Bahagian/Cawangan/ Unit yang terlibat untuk urusan pemindahan rekod.	


Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 19 9/6/13 11:02 AM

CARTA ALIRAN:
PELUPUSAN FAIL (BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 20 9/6/13 11:02 AM





Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 21 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN SURAT: PENGHANTARAN SURAT SECARA POS LAJU

PUNCA KUASA:

1. Panduan Pengurusan Pejabat – Bahagian I Pengurusan Pejabat – Perkhidmatan Pos

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Terima surat-surat pos laju dari Unit/Bahagian dan direkodkan dalam Borang Akuan Serahan Surat Biasa, Surat Pos Laju, Surat Berdaftar, Mel Udara dan Bungkusan/Parcel.	i. Borang Akuan Serahan Surat Biasa ii. Surat Pos Laju iii. Surat Berdaftar iv. Mel Udara v. Bungkusan/Parcel (Gambar Rajah 1)
2.	Pastikan alamat pengirim/penerima lengkap. Jika tidak lengkap pulangkan kepada pengirim untuk dilengkapkan.	
3.	Kira dan rekod kuantiti surat yang diterima ke dalam Buku Daftar/Buku Rekod Surat Pos laju.	Buku Daftar/Buku Rekod Surat Pos Laju
4.	Taip alamat lengkap penerima pada Borang *electronic Shipping Tool* (e-ST) – sekiranya menggunakan sistem, Borang Kiriman Domestik – secara manual, cetak dan tampal borang pada bahagian hadapan atau belakang surat.	i. Borang Kiriman Domestik – Manual/ Menulis Tangan (Gambar Rajah 2) ii. Borang *electronic Shipping Tool* (e-ST) – Sistem (Gambar Rajah 3)
5.	Masukkan surat yang telah lengkap diproses ke dalam tempat yang disediakan untuk dikutip oleh pihak Pos Laju.	
6	Surat sedia dikutip oleh pekerja Pos Laju beserta borang Pengeposan Pos Laju Berkontrak (Pos PL 9/PIN 1/03).	iii. Borang *electronic Shipping Tool* (e-ST) (Gambar Rajah 3) iv. Borang Pengeposan Pos Laju Berkontrak Pos PL 9/PIN 1/03 (Gambar Rajah 4)


Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 22 9/6/13 11:02 AM



BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
7	Terima slip salinan Borang Pengeposan Pos Laju Berkontrak Pos PL9/PIN 1/03.	Borang Pengeposan Pos Laju Berkontrak Pos PL 9/PIN 1/03
8	Simpan salinan Borang Pengeposan Pos Laju Berkontrak Pos PL 9/PIN 1/03.	Borang Pengeposan Pos Laju Berkontrak Pos PL 9/PIN 1/03
9	Terima dan semak bil pembayaran daripada pihak Pos Laju untuk urusan pembayaran.	

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 23 9/6/13 11:02 AM

CARTA ALIRAN:
PENGHANTARAN SURAT SECARA POS LAJU



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 24 9/6/13 11:02 AM



Surat Beserta Borang Pengeposan Pos Laju Berkontrak
(Pos PL 9/PIN 1/03) Dikutip oleh Pihak Pos Laju

↓

Terima Bil dari Pihak Pos Laju

↓

Semak Bil untuk Urusan Pembayaran

↓

Tamat

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 25 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN SURAT: PENGHANTARAN SURAT BERDAFTAR

PUNCA KUASA:


1. Panduan Pengurusan Pejabat Bahagian I Pengurusan Pejabat Perkhidmatan Pos

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Terima surat-surat dari Bahagian/Cawangan/ Unit KKM dan direkodkan dalam Borang Akuan Serahan Surat Biasa, Surat Pos Laju, Surat Berdaftar, Mel Udara dan Bungkusan/Parcel.	Borang Akuan Serahan Surat Biasa, Surat Pos Laju, Surat Berdaftar, Mel Udara dan Bungkusan/Parcel (Gambar Rajah 1)
2.	Semak dan pastikan alamat surat lengkap. Sekiranya tidak lengkap pulangkan kepada pengirim untuk dilengkapkan.	
3.	Kira dan rekod kuantiti surat yang diterima ke dalam Buku Daftar/Buku Rekod.	Buku Daftar/Buku Rekod Surat
4.	Rekod ke dalam senarai kiriman borang Berdaftar Pos R&P72.	Borang Pos R&P72 (Gambar Rajah 5)
5.	Tampal *Barcode dan Franking* surat mengikut kadar harga yang ditetapkan.	
6.	Lengkapkan Borang Doket (Pos Mel 35-01).	Borang Doket (Pos Mel 35-01) (Gambar Rajah 6)
7.	Borang Pos Mel 35-01 dilampirkankan bersama senarai kiriman barang-barang berdaftar.	Borang Doket (Pos Mel 35-01)
8.	Bawa surat serta Borang (Pos Mel 35-01) ke Pejabat Pos Malaysia.	i. Surat-surat Telah Di*franking* dengan Betul ii. Rekod Dalam Senarai Kiriman Borang-borang iii. Butir-butir Perbelanjaan dan Pos Lengkap iv. Borang Pos Mel 35-01/Surat-surat dihantar ke Pejabat Pos Malaysia
9.	Terima Resit Akuan Penerimaan daripada Pejabat Pos Malaysia.	Resit Akuan Penerimaan Diterima dari Pejabat Pos Malaysia (Gambar Rajah 8)
10.	Salinan Borang (Pos Mel 35-01) disimpan untuk rujukan.	


Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 26 9/6/13 11:02 AM



CARTA ALIRAN:
PENGHANTARAN SURAT SECARA BERDAFTAR



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 27 9/6/13 11:02 AM



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 28 9/6/13 11:02 AM



PENGURUSAN SURAT: PENGHANTARAN SURAT SECARA POS BIASA


PUNCA KUASA:

1. Panduan Pengurusan Pejabat Bahagian I Pengurusan Pejabat – Perkhidmatan Pos

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Terima surat-surat dari Bahagian/Cawangan dan Unit dan direkodkan dalam Borang Akuan Serahan Surat Biasa, Surat Pos Laju, Surat Berdaftar, Mel Udara dan Bungkusan/Parcel.	i. Borang Akuan Serahan Surat Biasa ii. Surat Pos Laju iii. Surat Berdaftar iv. Mel Udara v. Bungkusan/Parcel (Gambar Rajah 1)
2.	Semak dan pastikan alamat surat lengkap. Sekiranya tidak lengkap pulangkan kepada pengirim untuk dilengkapkan.	
3.	Kira dan rekod kuantiti surat yang diterima ke dalam Buku Daftar/Buku Rekod.	Buku Daftar/Buku Rekod Surat
4.	Timbang untuk tentukan harga setiap surat.	
5.	*Franking* setiap surat mengikut harga yang ditetapkan.	
6.	Catatkan dalam borang Pengeposan Mel *Franking* (Pos Mel 35-01).	Borang (Pos Mel 35-01) (Gambar Rajah 6)
7.	Hantar surat ke Pejabat Pos Malaysia.	
8.	Salinan borang Pos Mel 35-01disimpan untuk rujukan.	Borang (Pos Mel 35-01)

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 29 9/6/13 11:02 AM

CARTA ALIRAN:
PENGHANTARAN SURAT SECARA POS BIASA



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 30 9/6/13 11:02 AM



PENGURUSAN SURAT: PENGHANTARAN SURAT SECARA MEL UDARA


PUNCA KUASA:

1. Panduan Pengurusan Pejabat Bahagian I Pengurusan Pejabat – Perkhidmatan Pos

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Terima surat-surat dari Bahagian/Cawangan dan Unit dan direkodkan dalam Borang Akuan Serahan Surat Biasa, Surat Pos Laju, Surat Berdaftar, Mel Udara dan Bungkusan/Parcel.	i. Borang Akuan Serahan Surat Biasa ii. Surat Pos Laju iii. Surat Berdaftar iv. Mel Udara v. Bungkusan/Parcel (Gambar Rajah 1)
2.	Semak dan pastikan alamat surat lengkap. Sekiranya tidak lengkap pulangkan kepada pengirim untuk dilengkapkan.	
3.	Kira dan rekod kuantiti surat yang diterima ke dalam Buku Daftar/Buku Rekod.	Buku Daftar/Buku Rekod Surat
4.	Timbang untuk tentukan harga setiap surat.	
5.	*Franking* setiap surat mengikut harga yang ditetapkan.	
6.	Catatkan dalam borang Pengeposan Mel *Franking* (Pos Mel 35-01).	Borang (Pos Mel 35-01) Gambar Rajah 6
7.	Hantar surat ke Pejabat Pos Malaysia.	
8.	Salinan borang Pos Mel 35-01 disimpan untuk rujukan.	Borang (Pos Mel 35-01)

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 31 9/6/13 11:02 AM

CARTA ALIRAN:
PENGHANTARAN SURAT SECARA MEL UDARA



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 32 9/6/13 11:02 AM



PENGURUSAN PARCEL: PENGHANTARAN BUNGKUSAN/PARCEL


PUNCA KUASA:

1. Panduan Pengurusan Pejabat Bahagian I Pengurusan Pejabat – Perkhidmatan Pos

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Menerima bungkusan/*parcel* dan bahan-bahan dari Bahagian/Cawangan/Unit dan direkodkan dalam Borang Akuan Serahan Surat Biasa, Surat Pos Laju, Surat Berdaftar, Mel Udara dan Bungkusan/Parcel.	i. Borang Akuan Serahan Surat Biasa ii. Surat Pos Laju, Surat Berdaftar iii. Mel Udara iv. Bungkusan/Parcel (Gambar Rajah 1)
2.	Semak dan pastikan alamat surat lengkap. Sekiranya tidak lengkap pulangkan kepada pengirim untuk dilengkapkan.	
3.	Kira dan rekod kuantiti surat yang diterima ke dalam Buku Daftar/Buku Rekod.	Buku Daftar/Buku Rekod Surat
4.	Mengikat bungkusan dengan tali.	
5.	*Franking* bungkusan mengikut berat dan mengikut harga yang ditimbang.	
6.	Menulis alamat dan butiran bungkusan dengan terang dan lengkap dalam Borang Nota Konsainan Bungkusan.	Borang Nota Konsainan Bungkusan (Gambar Rajah 9)
7.	Catatkan dalam Pengeposan Mel *Franking* (Borang (Pos Mel 35-01).	Borang (Pos Mel 35-01) (Gambar Rajah 6)
8.	Menghantar bungkusan ke Pejabat Pos Malaysia.	Borang (Pos Mel 35-01)
9.	Salinan borang Borang (Pos Mel 35-01) disimpan untuk rujukan.	Borang (Pos Mel 35-01)

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 33 9/6/13 11:02 AM

CARTA ALIRAN:
PENGHANTARAN BUNGKUSAN/PARCEL



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 34 9/6/13 11:02 AM



Tulis Alamat dengan Lengkap pada Borang
Nota Konsainan Bungkusan

↓

Bungkusan/Parcel Dihantar ke Pejabat Pos

↓

Salinan Borang (Pos Mel 35-01) Disimpan sebagai Rujukan

↓

Tamat

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 35 9/6/13 11:02 AM

PENGURUSAN KAD PERAKAM WAKTU

PUNCA KUASA:

1. Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981 - Sistem Penggunaan Kad Perakam Waktu (Punch Card) di Pejabat-pejabat Kerajaan
2. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2004 - Penggunaan Sistem Perakam Waktu Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan
3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 - Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat di Semua Agensi Kerajaan Persekutuan
4. Surat JPA mengenai Panduan Mengurus Pegawai Tidak Hadir Bertugas (Ogos 2010)
5. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1.	Ketua Jabatan melantik Pegawai Penyelaras yang bertanggungjawab untuk membuat semakan dan laporan bulanan Kad Perakam Waktu (KPW).	i. Pegawai Penyelaras yang Ditugaskan Secara Tetap untuk Mengurus KPW dalam Fail Meja; atau ii. Pegawai yang Dilantik Melalui Surat Perlantikan Rasmi Jika Menggunakan Sistem Bertugas Secara Bergilir-gilir
2.	Pegawai Penyelaras menyediakan KPW.	KPW Perlu Dicetak pada Setiap Akhir Bulan
3.	Pegawai Penyelaras memantau kehadiran dan kelewatan anggota.	Pastikan Anggota Mengetik Kadnya Sahaja
4.	Anggota mengetik KPW mengikut Waktu Berperingkat (WP) yang telah ditetapkan.	Penentuan WP Perlu Mendapat Persetujuan daripada Ketua Unit/Ketua Cawangan/Ketua Jabatan dengan Mengisi Borang Pemilihan Waktu Bekerja Berperingkat, Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 - Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat di Semua Agensi Kerajaan Persekutuan
5.	Anggota yang tidak ketik atau lewat perlu catitkan keterangan dan dapatkan tandatangan Pegawai Penyelia.	Pengesahan Perlu Diperolehi pada Hari/ Minggu yang Sama
6.	Pegawai Penyelia tandatangan sekiranya berpuas hati dengan keterangan yang diberikan.	Pegawai Penyelia Perlu Meneliti Keterangan Sebelum Pengesahan Dibuat

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 36 9/6/13 11:02 AM



BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
7.	Pegawai Penyelaras menyemak KPW bagi menyediakan laporan bulanan KPW.	i. Semak Data dalam HRMIS dan Sijil Cuti Sakit Supaya Selaras dengan Rekod dalam KPW ii. Berikut adalah Perkara-perkara yang Disemak: a) Kehadiran Mengikut WP yang Ditetapkan; b) Terdapat Keterangan Berhubung Kelewatan; c) Keterangan Jika Tiada Ketikan Keluar atau Masuk Pejabat; d) Kesahihan Cuti Rehat dan Cuti Sakit; dan e) Tandatangan Pengesahan Pegawai Penyelia
8.	Tatacara KPW berwarna kuning: i. KPW anggota kekal kuning sekiranya tiada catitan merah atau mendapat pengesahan Pegawai Penyelia. ii. KPW berwarna kuning tiada pengesahan penyelia bagi lewat 3 kali dan lebih, perlu ditukar kepada KPW berwarna hijau.	Pemberian Kad Hijau Dibuat Setelah Memberi Amaran Bertulis Supaya ia Tidak Mengulangi Lagi Kesalahannya.
9.	Tatacara KPW berwarna hijau: i. Semasa memegang kad hijau, tiada lagi catitan merah bagi tempoh satu bulan, kad hijaunya akan ditukarkan semula kepada kad berwarna kuning. ii. Pemegang kad hijau mendapat dua (2) catitan merah tanpa pengesahan pegawai penyelia, akan diberi surat tunjuk sebab atas kelewatan berkenaan. iii. Jika keterangannya tidak dapat diterima ia akan diberi amaran akhir dan kadnya akan ditukarkan kepada kad merah.	i. Pemberian Kad Merah Dibuat Setelah Sebab-sebab Kelewatan yang Dikemukakan Tidak Dapat Diterima oleh Pegawai Penyelia ii. Surat Amaran yang Terakhir Perlu Dikeluarkan kepada Anggota Terbabit

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 37 9/6/13 11:02 AM

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
10	Tatacara KPW berwarna merah: Semasa memegang kad merah, tiada lagi catitan merah bagi tempoh satu bulan, kad merahnya akan ditukarkan kepada kad berwarna hijau. Jika mendapat satu (1) catitan merah di atas kad merahnya, tanpa keterangan yang diterima oleh pegawai atasannya, tindakan prosiding tatatertib mengikut Perintah Am Bab "D" akan dijalankan.	Perlu Merujuk Perintah Am Bab D, dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi Melaksanakan Prosiding Tatatertib
11	Pegawai Penyelaras menyediakan Laporan bulanan KPW sebelum 10 haribulan dalam bulan berikutnya.	Laporan Bulanan KPW Perlu Disimpan dalam Fail untuk Tujuan Rekod dan Menentukan Warna Kad KPW yang akan Digunapakai
12	Pegawai Penyelaras menyediakan KPW untuk bulan berikutnya berpandukan kepada laporan KPW/kad KPW anggota.	KPW Perlu Disediakan pada Akhir Bulan
13	Simpan KPW sehingga boleh dilupuskan.	KPW Disimpan bagi Tujuan Pengauditan Selepas Tempoh Setahun, KPW Boleh Dilupuskan Selaras dengan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am Bil. 4.1, Arkib Negara Malaysia 2012 Bagi Kes Tindakan Tatatertib, KPW Perlu Disimpan Sehingga Urusan Tatatertib Selesai Sepenuhnya


Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 38 9/6/13 11:02 AM



CARTA ALIRAN:
PENGURUSAN KAD PERAKAM WAKTU (KPW)



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 39 9/6/13 11:02 AM



Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 40 9/6/13 11:02 AM



KESILAPAN LAZIM/TEGURAN AUDIT DI MANA BERKAITAN

1. Meminta anggota/pegawai lain mengetik KPW.
2. Tidak menukarkan KPW kuning kepada kad hijau setelah terdapat 3 catitan merah tanpa pengesahan Penyelia dan kad hijau kepada kad merah setelah terdapat 2 catitan merah tanpa pengesahan Penyelia.
3. Tidak mengambil tindakan ke atas kelewatan dan ketidak hadiran anggota selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Panduan Mengurus Pegawai Tidak Hadir Bertugas (Ogos 2010).

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 41 9/6/13 11:02 AM

PANDUAN PENGURUSAN KEBAKARAN DAN KECEMASAN DI PREMIS-PREMIS KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PUNCA KUASA:

1. Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20 – Dasar Mekanisma Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara
2. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
3. Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Seksyen 62 (1)
4. Arahan Perkhidmatan (Bab 8): 2(a) – Mencegah kebakaran
5. Mengawal selia penubuhan pasukan bomba di organisasi persendirian, institusi pendidikan dan organisasi
6. Mengawal selia penubuhan organisasi keselamatan kebakaran di premis ditetapkan

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
1	Kebakaran/kecemasan/bencana dikesan.	
2	Penggera diaktifkan.	i. Sistem Penggera Kebakaran Jenis Automatik (*heat detector* dan *smoke detector*) ii. Sistem Penggera Kebakaran Jenis Manual (*break glass*) iii. Penyenggaraan Sistem Keselamatan Kebakaran Secara Berkala Dijalankan bagi Memastikan Sistem ini dalam Keadaan Baik
3	Ketua Blok/Penolong Ketua Blok/Ketua Tingkat mengesahkan kejadian dengan melakukan pemeriksaan di kawasan/blok/aras.	Hasil Pemeriksaan Dilaporkan kepada Pengurus Kebakaran dan Kecemasan
4	Pengurus Kebakaran dan Kecemasan mengarahkan pengungsian bangunan (evakuasi).	Arahan Pengungsian Dikeluarkan Setelah Mendapat Pandangan dan Nasihat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) dan Pihak Berkuasa Lain yang Berkaitan
5	Ketua Blok mengarahkan pegawai di Bilik Kawalan Sistem Bangunan (BCS) untuk membuat pengumuman kecemasan.	Arahan Pengungsian Bangunan Hendaklah Dibuat dengan Segera dan jelas Melalui Sistem Siaraya serta Penggera Kecemasan

Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 42 9/6/13 11:02 AM



BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
6.	Ketua Blok menubuhkan Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK).	i. PKTK Diwujud/Ditubuh Ditempat Berdekatan dengan Zon Berkumpul; dan ii. PKTK Dilengkapi dengan Peralatan Seperti Alat Pembesar Suara, Papan Tulis, Papan Tanda dan Beberapa Peralatan yang Diperlukan
7.	Ketua Blok/ Penolong Ketua Blok/ Ketua Aras menghubungi Pasukan Keselamatan atau agensi berkenaan.	i. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM); Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM); ii. Polis DiRaja Malaysia (PDRM); iii. Maklumat Nombor Telefon dan Pegawai yang Boleh Dihubungi Perlu Disedia dan Kemaskini
8.	Pengungsian bangunan dilakukan.	i. Pasukan Penyelamat bagi Setiap Aras/ Blok Membantu Penghuni Keluar dari Bangunan dan Menyelamatkan Mangsa Serta Memeriksa Pintu, Tingkap dan Suis Ditutup; ii. Pasukan Pemadam bagi Setiap Aras/ Blok Memadam Kebakaran yang Berlaku; dan iii. Pasukan Kawalan Keselamatan dan Trafik Mengawal Lalulintas Semasa Pengungsian Bangunan Dilakukan dan Memberi Pandu Arah ke Zon Berkumpul
9.	Semua penghuni berkumpul di Zon Berkumpul yang telah ditetapkan.	
10.	Penolong Ketua Blok/Ketua Aras akan membuat pemeriksaan kehadiran *(head count).*	Laporan Kehadiran *(head count)* dikemukakan kepada Ketua Blok untuk Tindakan Mencari dan Menyelamat (sekiranya perlu)


Bahagian Khidmat Pengurusan_1.1-Faizal.indd 43 9/6/13 11:02 AM

BIL.	PROSES KERJA	SENARAI SEMAK
11.	Pemeriksaan struktur bangunan dilakukan.	Pihak Berkuasa/Agensi yang Terlibat: i. JBPM; ii. Jabatan Kerja Raya (JKR); dan iii. Pihak Berkuasa yang Bertauliah
12.	Pengurus Kebakaran dan Kecemasan memaklumkan status keselamatan bangunan kepada Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK).	i. Sekiranya Bangunan Selamat Diduduki, JBPM/JKR/Pihak berkuasa/Ketua Blok Akan Mengumumkan untuk Memasuki Semula Bangunan Setelah Disahkan Selamat oleh Agensi-agensi yang Berkenaan ii. Sekiranya Bangunan Tidak Selamat Diduduki, Ketua Setiausaha KKM Boleh Meluluskan Cuti Kecemasan Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 1986 (Peraturan Memberikan Kebenaran Tidak Hadir Kerja atas Sebab Kecemasan Am)
